



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 10/2021

Prestasi ekonomi kembali meningkat setelah pembukaan semula aktiviti sosial dan ekonomi diperluas

PUTRAJAYA, 28 OKTOBER 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 10/2021**. MESR menumpukan kepada senario ekonomi pada Ogos 2021 serta sorotan statistik akan datang bagi September 2021. Laporan ini turut memuatkan artikel khas bertajuk “Pemerihalan Terhadap Prestasi Ekonomi bagi Affiliate Asing di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19” yang membincangkan impak COVID-19 ke atas prestasi affiliate asing di Malaysia dari aspek nilai ditambah, bilangan pekerja, eksport dan import serta prospek pasca-pandemik.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, “Pada masa ini, situasi COVID-19 kelihatan terkawal dengan jumlah kes harian baharu berkurangan dalam tempoh kebelakangan ini. Tambahan pula, liputan populasi dewasa yang tinggi dan peningkatan bilangan remaja yang divaksinasi sepenuhnya akan meredakan krisis kesihatan. Ini seterusnya mencetuskan perkembangan positif kepada negara dengan harapan ekonomi akan kembali bangkit menuju pemulihan. Selari dengan itu, beberapa petunjuk ekonomi juga menunjukkan prestasi yang lebih baik”.

Prestasi dagangan Malaysia meneruskan momentum positif pada September 2021 dengan jumlah dagangan meningkat 25.5 peratus (Ogos 2021: 15.7%). Eksport berkembang 24.7 peratus (Ogos 2021: 18.4%) manakala import meningkat 26.5 peratus (Ogos 2021: 12.5%), yang seterusnya menghasilkan lonjakan lebihan dagangan 19.1 peratus (Ogos 2021: 44.7%). Berdasarkan kepada prestasi industri, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mencatatkan penguncupan marginal 0.7 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, dengan trajektori negatif yang lebih baik daripada negatif 5.1 peratus dicatatkan pada Julai 2021. IPP dipengaruhi oleh penyusutan indeks Perlombongan dan indeks Elektrik. Sementara itu, nilai jualan Pembuatan pada Ogos 2021 berjumlah RM126.5 bilion, menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih tinggi 6.8 peratus berbanding Ogos 2020. Melihat kepada sektor Perkhidmatan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit masih terkesan berikutkan

pelaksanaan sekatan pergerakan iaitu menyusut 10.2 peratus tahun ke tahun pada Ogos 2021 berbanding penyusutan 14.7 peratus pada Julai 2021, yang menandakan pertumbuhan negatif yang lebih baik. Sebaliknya, sektor Pertanian menunjukkan trend penurunan dengan pengeluaran getah asli merosot 3.6 peratus pada Ogos berbanding pertumbuhan dua angka sebanyak 16.3 peratus pada Julai 2021. Di samping itu, pengeluaran buah tandan segar pada September 2021 turut menyusut 10.4 peratus tahun ke tahun.

Mengulas berhubung pasaran buruh pada Ogos 2021, beliau berkata “Bilangan penduduk bekerja terus meningkat bagi bulan keenam iaitu sebanyak 1.5 peratus atau pertambahan 223.1 ribu orang kepada 15.38 juta orang. Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan kemampuan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga berada pada 65.2 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran menurun 0.1 mata peratus kepada 4.6 peratus”.

Beliau juga menambah, “Dari perspektif harga, pada bulan Ogos 2021, Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 2.0 peratus disumbangkan terutamanya oleh kumpulan Pengangkutan. Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan meningkat 11.3 peratus tahun ke tahun, didorong oleh indeks Perlombongan yang melonjak kepada 51.8 peratus”.

Ketua Perangkawan juga menyatakan, “Indeks Pelopor (IP) pada Ogos 2021 memberi isyarat bahawa ekonomi Malaysia berkemungkinan besar semakin baik pada bulan-bulan berikutnya. IP meningkat pada 106.2 mata pada bulan rujukan kepada pertumbuhan negatif yang lebih baik iaitu 2.3 peratus tahun ke tahun selepas mencatatkan negatif 4.0 peratus pada Julai 2021. Pada Ogos 2021, IP mencatatkan kenaikan bulan ke bulan sebanyak 1.1 peratus disokong oleh kebanyakan komponen IP. Ini selari dengan peralihan lebih banyak negeri di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan lebih banyak aktiviti ekonomi kembali dibenarkan beroperasi dengan pematuhan kepada prosedur standard operasi. Seterusnya, pemulihan ekonomi akan dipacu oleh agenda jangka panjang global dan nasional sepanjang 2021 hingga 2025 seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-12”.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin merumuskan, "Memandangkan Malaysia akan beralih ke fasa endemik dalam masa terdekat bagi memastikan keseimbangan dalam melindungi kesihatan dan kelangsungan kehidupan, semua pihak perlu membiasakan diri untuk hidup bersama COVID-19 dengan terus mematuhi langkah perlindungan kesihatan yang ditetapkan. Melalui kerjasama dalam membendung virus ini, kita boleh memastikan ekonomi negara dapat dipulihkan".

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) masih dilaksanakan di seluruh Negara sehingga 31 Oktober 2021 secara bersemuka dengan pematuhan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis

Keselamatan Negara (MKN). Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) akan dilaksanakan pada November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara pada setiap 20 Oktober setiap tahun. Pengisytiharan ini telah mengiktiraf sumbangan ahli statistik dan profesion perangkaan dalam negara ini. Hari Statistik Negara juga diraikan oleh agensi yang terdiri daripada pengeluar, pembekal dan pengguna statistik serta pelbagai lapisan masyarakat seperti agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan sekolah serta masyarakat umum. Tema Hari MyStats pada tahun 2021 ialah "*Connecting The World With Data We Can Trust*".

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 OKTOBER 2021**



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 10/2021**

Economic performance picking up as reopening of social and economic activities widened

PUTRAJAYA, 28th OCTOBER 2021 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 10/2021**. The MESR focuses on the economic scenario for August 2021, with highlights on some forthcoming statistics for September 2021. This release is also complemented with a box article entitled “Insight on the Economic Performance of Foreign Affiliates in Malaysia During the COVID-19 Pandemic”, which discusses the impact of COVID-19 on foreign affiliate performance in Malaysia in terms of value added, number of employees, exports and imports as well as post-pandemic prospects.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, "Currently, the COVID-19 situation looks promising with the number of daily new cases reducing over the days. Adding to the high coverage of adult population and the increasing number of adolescents who are fully vaccinated, the health crisis is poised to improve. This spark positive vibes for the nation with the hope that the economy will rise to recovery. Correspondingly, several key economic indicators pointing improvements."

Malaysia's trade performance continued its positive momentum in September 2021 with total trade rose 25.5 per cent (August 2021: 15.7%). Exports expanded by 24.7 per cent (August 2021: 18.4%) while imports increased by 26.5 per cent (August: 12.5%), thus resulted in the surge of 19.1 per cent (August 2021: 44.7%) in trade surplus. In terms of the industry performance, Industrial Production Index (IPI) recorded a marginal decline of 0.7 per cent compared to the same month of the previous year, albeit a better negative trajectory from negative 5.1 per cent in July 2021. The IPI was influenced by the decline in the Mining index and Electricity index. Meanwhile, Manufacturing sales in August 2021 stood at RM126.5 billion, contributing to a higher growth of 6.8 per cent as against August 2020. In view of the Services sector, the sales value of Wholesale & Retail Trade continued to be impacted by the lockdown restriction which fell 10.2 per cent year-on-year in August 2021 as against a drop of 14.7 per cent in July 2021, showing a sign of improvement. On the contrary, Agriculture sector showed a declining trend with natural rubber production decreased 3.6 percent in August from a double-digit growth of

16.3 per cent in July 2021. Further to this, the production of fresh fruit bunches in September 2021 also went down by 10.4 per cent year-on-year.

Commenting on the labour market in August 2021, he said that “The number of employed persons remained an upward trend for the sixth month by 1.5 per cent with an addition of 223.1 thousand persons to reach 15.38 million persons. Employment-to-population ratio which indicates the ability of an economy to create employment stood at 65.2 per cent. Meanwhile, the unemployment rate was lower by 0.1 percentage points to 4.6 per cent.”

He also added that, “In terms of prices, during the month of August 2021, the Consumer Price Index (CPI) increased by 2.0 per cent mainly backed by the Transport group. The Producer Price Index (PPI) local production edged up 11.3 per cent year-on-year underpinned by Mining index that grew 51.8 per cent.”

The Chief Statistician also said that, “The Leading Index (LI) in August 2021 signals that the Malaysia’s economy is most likely to pick up in the upcoming months. The LI improved at 106.2 points in the reference month to a better negative growth of 2.3 per cent year-on-year after recording a negative 4.0 per cent in July 2021. In August 2021, the LI posted month-on-month increase of 1.1 per cent supported by increases in most of the LI components. This is in line with the transition of more states under the National Recovery Plan (NRP) and more economic activities are allowed to resume operations with compliance to standard operating procedure. Moving forward, the economic recovery will be backed by the long term global and national agendas throughout 2021 to 2025 as outlined in the 12th Malaysia Plan.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded, “As Malaysia is set to move to an endemic stage soon in order to ensure a balance between protecting our health and ensuring our livelihood, all parties have to accustom to living with COVID-19 while continuous compliance to the necessary health protection measures. In working together to contain the virus, we may ensure the country's economy to be revived.”

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing nationwide until 31st October 2021 through face-to-face method with the compliance of Standard Operating Procedure (SOP) implemented by Majlis Keselamatan Negara (MKN). The process of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) will be conducted subsequently in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day on October 20 every year. This declaration has recognised the contributions of statisticians and the statistical

profession in the country. National Statistics Day can also be celebrated by agencies that produce, providers and users of statistics as well as various levels of the community consisting of government agencies, researchers, universities and schools as well as the general public. The theme of MyStats Day in 2021 is "Connecting The World With Data We Can Trust".

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

28th OCTOBER 2021